



SIARAN MEDIA

LTAT Aktifkan Pasukan Sukarelawan "Jalinan Wira", Memperkukuh Komitmen Terhadap Pencarum

- *LTAT anjurkan program penghargaan di kem tentera bagi menghargai pengorbanan serta dedikasi anggota Angkatan Tentera Malaysia ("ATM") yang bertugas sepanjang Ramadan;*
- *Lebih 1,600 pek Bubur Lambuk diedarkan, disertai dengan sumbangan kewangan serta taklimat literasi kewangan.*

KUALA LUMPUR, 21 MAC 2025 – Bagi menghargai dedikasi, jasa dan pengorbanan anggota ATM, serta selari dengan aspirasi Malaysia MADANI, Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") telah mengaktifkan pasukan sukarelawan Jalinan Wira yang terdiri daripada warga kerjanya, sepanjang bulan Ramadan bagi tahun yang kedua secara berturut-turut.

Tahun ini, LTAT memperluaskan usaha dengan menganjurkan program santuni warga ATM di dua lokasi strategik – Batalion Ke-5 Rejimen Sempadan, Kem Bukit Kayu Hitam, Kedah, pada 13 Mac 2025 dan Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia ("TLDM") Lumut, Perak pada 20 Mac 2025. Pemilihan lokasi ini dibuat sebagai tanda penghormatan kepada anggota tentera yang komited dalam mempertahankan sempadan dan perairan negara.

Lebih daripada sekadar penghargaan, kempen ini turut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang peranan penting ATM dalam keselamatan negara – dari menjaga sempadan Malaysia-Thailand di utara, sehinggalah mempertahankan kedaulatan maritim negara.

Inisiatif Jalinan Wira, yang diasaskan pada tahun 2024 dan dikendalikan sepenuhnya oleh warga kerja LTAT, merupakan platform sukarelawan yang diwujudkan khusus bagi membalas jasa para pencarum. Pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen teguh LTAT dalam menghargai pengorbanan wira-wirawati negara, terutamanya ketika bulan Ramadan dan Syawal.

Menyatukan Komuniti dalam Keberkatan Ramadan

Dengan kerjasama Tentera Darat Malaysia ("TDM") dan TLDM, LTAT telah berjaya menganjurkan dua aktiviti utama – penyediaan dan pengagihan Bubur Lambuk serta majlis berbuka puasa bersama anggota ATM. Pasukan sukarelawan Jalinan Wira telah berganding bahu menyediakan serta mengedarkan lebih 1,600 pek Bubur Lambuk di kedua-dua lokasi.

Barisan pengurusan LTAT, yang diketuai oleh Pengerusi, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan Ariffin TUDM (Bersara) serta Ketua Eksekutif LTAT, Mohammad Ashraf Md. Radzi, turut turun padang bagi menyantuni dan berinteraksi secara langsung dengan para pencarum.

Di Pangkalan TLDM Lumut, sukarelawan LTAT turut disertai oleh Panglima Armada Barat, Laksamana Madya Haji Mohamad Azuwan Harun, serta barisan pegawai kanan Markas Pemerintahan Armada Barat. Sementara itu, di 5 Rejimen Sempadan, Kem Bukit Kayu Hitam, Kedah, LTAT telah berbuka puasa bersama Pegawai Pemerintah Kem, Lt Kol Mohd Ezrin Daud, serta anggotanya.

Bantuan Melangkaui Penghargaan

Sebagai usaha berterusan dalam memperkasakan kebajikan anggota ATM, Yayasan LTAT dan LTAT turut bersama-sama menyampaikan bantuan kewangan kepada 17 anggota ATM serta ahli keluarga yang menghadapi cabaran kesihatan kritikal.

Selain itu, LTAT turut menganjurkan taklimat celik kewangan bagi memberi pendedahan kepada anggota ATM mengenai pengurusan kewangan, perlindungan sosial serta manfaat persaraan di kedua-dua lokasi. Ini bagi memastikan anggota ATM bukan sahaja dihargai, malahan juga dilengkapi dengan ilmu pengetahuan yang penting untuk kesejahteraan kewangan mereka, baik semasa berkhidmat mahupun selepas persaraan.

Komitmen Berterusan untuk Wira-Wirawati Negara

Ketua Eksekutif LTAT, Mohammad Ashraf Md. Radzi, menegaskan komitmen LTAT dalam memastikan sumbangan bermakna kepada ATM terus diperkasakan, "Inisiatif ini adalah salah satu usaha warga LTAT untuk menzahirkan penghargaan terhadap pengorbanan anggota ATM yang tanpa henti, tetap teguh menjalankan tugas demi menjaga keselamatan negara, walaupun dalam bulan Ramadan dan Syawal."

"Warga kerja LTAT menunjukkan dedikasi luar biasa dalam melangkaui tanggungjawab harian mereka untuk terlibat secara langsung dengan para pencarum. Sama ada menyediakan Bubur Lambuk di bulan Ramadan, membantu veteran ketika bencana banjir, atau memelihara alam sekitar, kami komited untuk meluangkan lebih banyak masa sebagai sukarelawan di luar tugas rasmi. Inisiatif ini bukan sekadar program biasa tetapi merupakan satu komitmen yang berterusan untuk membalas jasa mereka yang telah mengabdikan hidup demi negara," tambah beliau.

Melalui inisiatif ini, LTAT terus memperkukuhkan komitmennya terhadap kebajikan jangka panjang wira-wirawati negara, memastikan bahawa khidmat bakti, pengorbanan dan dedikasi mereka akan sentiasa dihargai serta dikenang.

Sehingga kini, pasukan sukarelawan Jalinan Wira LTAT telah mencatatkan lebih daripada 1,300 jam sukarelawan, melibatkan lebih daripada 170 warga kerja LTAT.

-TAMAT-

Tentang LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

PERHUBUNGAN MEDIA

Izzat Alhadjri

Pengarah,

Ketua Komunikasi Strategik

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : www.ltat.gov.my